

BIBLIOGRAFI DR. MAHATHIR

JILID 2 - BAHAGIAN 1



BIBLIOGRAFI

DR. MAHATHIR

Edisi Diperluas

JILID II
Sumber Elektronik
(Bahagian 1)

PUSTAKA PERDANA



1006765

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2003



Cetakan Pertama 2003

Edisi diperluas

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2003

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

Tel : 03-26871700

Fax : 03-26942490

Laman web: <http://www.pnm.my>

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bibliografi Dr. Mahathir.

ISBN 967-931-134-1 (jil. 1)

ISBN 967-931-139-2 (jil. 2 : pt.1)

ISBN 967-931-140-6 (jil. 2 : pt. 2)

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925- --Bibliography.
2. Prime ministers--Malaysia--Bibliography.
3. Malaysia--Politics and government--Bibliography. I. Perpustakaan Negara Malaysia. 016.9232595

016.923
BIB(f)

KANDUNGAN

Perutusan Menteri Pendidikan	v
Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan	vi
Kata Aluan.....	vii
Prakata.....	ix
Ahli Jawatankuasa.....	xiii
Biografi Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir.....	xv
Sumber Elektronik A-L.....	1



**PERUTUSAN
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Perpustakaan Negara Malaysia di atas usaha dan kejayaan menerbitkan *Bibliografi Dr. Mahathir*. Usaha ini amat penting kerana ia merakamkan sumber maklumat mengenai hasil karya berkaitan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat adalah tokoh negarawan terulung yang telah memberi sumbangan yang tiada ternilai dalam meletakkan asas yang kukuh terhadap pembangunan dan pemodenan negara. Di sepanjang tempoh kepimpinannya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mencipta banyak kejayaan meliputi bidang ekonomi, sosial, politik, agama, sukan, hubungan antarabangsa dan sebagainya, untuk bangsa dan negara. Ketokohan dan kepimpinan Yang Amat Berhormat telah mendapat pengiktirafan yang berjaya menjulang nama negara di peringkat serantau dan antarabangsa. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat juga, ikatan perpaduan dan semangat muhibbah di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini menjadi lebih erat dan masyarakatnya hidup dengan lebih harmoni.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad merupakan seorang pemimpin negara yang aktif dalam bidang penulisan. Hasil pemikiran Yang Amat Berhormat sering dikagumi dan usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk merekodkan hasil pemikiran ini. Dengan demikian, banyak karya berkaitan Yang Amat Berhormat telah dapat dihasilkan dalam pelbagai bentuk penulisan dan media yang luas tersebar di seluruh dunia. Sewajarnya, segala sumber maklumat ini dikumpul, didokumen dan direkod untuk memudahkan rujukan dan penyelidikan.

Saya yakin usaha Perpustakaan Negara Malaysia menerbitkan *Bibliografi Dr. Mahathir* sebagai mengenang sumbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kepada negara dan bangsa, amat besar nilainya bagi memastikan ketersediaan sumber maklumat yang terkumpul dapat dikesan dan dicapai dengan tepat dan mudah untuk tujuan penyelidikan generasi masa kini dan akan datang.

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD



KATA ALUAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia di atas kesungguhan untuk mengumpul sumber maklumat dan menerbitkan *Bibliografi Dr. Mahathir* untuk memudahkan capaian kepada sumber maklumat berkaitan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Penerbitan Bibliografi ini memperkayakan lagi khazanah warisan intelek negara kerana ia merekodkan sumber maklumat dalam pelbagai bidang yang dihasilkan berkaitan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Dalam era teknologi maklumat masa kini, penghasilan sumber maklumat semakin pesat dan penyebarannya semakin meluas. Maklumat ini yang dirakam dalam pelbagai bentuk sukar untuk dikesan dan diakses sekiranya seseorang itu tidak memiliki kemahiran pencarian maklumat. Selain itu, penyelidik dan pengguna juga perlu mahir untuk menilai ketepatan dan kesahihan maklumat yang dicapai. Kebanjiran maklumat yang disebar melalui Internet memberi cabaran kepada perpustakaan untuk mempertingkatkan perkhidmatannya dalam membantu proses menimba ilmu pengetahuan. Justeru itu, pustakawan perlu meningkatkan usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk pengguna bagi memudahkan pengesanan dan pencapaian kepada sumber maklumat.

Penghasilan karya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan penulisan mengenai Yang Amat Berhormat terlalu banyak, tidak mampu diketahui serta dihayati sepenuhnya tanpa pengumpulan bibliografi seperti ini. Justeru, usaha Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengumpul sumber maklumat ini dalam bentuk bibliografi haruslah dimanfaatkan sepenuhnya. Dengan adanya sumber rujukan seperti ini kita dapat menghayati penglibatan dan sumbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga melambangkan sumber pemikiran bangsa Melayu.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada Perpustakaan Negara Malaysia di atas usaha untuk menerbitkan Bibliografi ini.

DATO' HAJI AMBRIN BIN BUANG



**KATA PENGANTAR
KETUA PENGARAH
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**



Saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan *Bibliografi Dr. Mahathir*. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai sebuah institusi yang mengumpul pelbagai sumber ilmu dan maklumat warisan intelek negara, sentiasa berusaha untuk menyediakan sumber rujukan bagi memudahkan rujukan dan capaian maklumat yang terkumpul samada yang terdapat di dalam koleksinya atau pun yang tersebar luas di seluruh dunia.

Salah satu usaha yang diberi tumpuan oleh Perpustakaan Negara Malaysia ialah mengumpul sumber maklumat, mendokumen dan menerbitkan bibliografi berkaitan tokoh ternama negara. Antara bibliografi utama tokoh negarawan yang telah diterbitkan ialah *Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* yang diterbitkan pada tahun 2002 dan *Bibliografi Dr Mahathir* yang diterbitkan pada tahun 1990 dan 1998. Selain itu, satu pangkalan data sumber maklumat mengenai Perdana Menteri Malaysia yang boleh dicapai secara atas talian juga telah dibangunkan, iaitu pangkalan data *Bibliografi Perdana Menteri*. Pangkalan data ini mengumpul secara komprehensif maklumat berkaitan semua Perdana Menteri Malaysia. Ia meliputi karya yang telah dihasilkan oleh setiap Perdana Menteri dan penulisan/karya mengenai mereka.

Bagi memperingati sumbangan dan jasa bakti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri dan tokoh negarawan terulung, maka Perpustakaan Negara Malaysia berusaha untuk menerbitkan *Bibliografi Dr. Mahathir Edisi Diperluas* bertujuan untuk mengemaskini *Bibliografi Dr. Mahathir* yang telah diterbitkan sebelum ini. Bibliografi ini diharap akan menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada penyelidik dan orang awam yang ingin mengetahui secara mendalam tentang hasil penulisan berkaitan kehidupan, kegiatan politik dan sosial, minat, pemikiran serta ketokohan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan Bibliografi ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Penerbitan *Bibliografi Dr. Mahathir Edisi Diperluas* di atas komitmen dan usaha gigih mereka untuk menjayakan penerbitan Bibliografi ini.

DATO' ZAWIYAH BINTI BABA

